

Lucutkan hak keistimewaan Melayu yang murtad

KUALA LUMPUR 14 Nov. - Seorang perwakilan Wanita UMNO dari Kedah hari ini mencadangkan supaya hak keistimewaan orang Melayu dilucutkan daripada mereka yang murtad atau keluar daripada Islam.

Ketua Wanita UMNO Jerai, Khalijah Arshad berkata, wanita UMNO Kedah kesal dengan kejadian murtad di kalangan orang Melayu di negara ini dan meminta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengambil tindakan tegas bagi memastikan tidak ada mana-mana pihak berdakwah terhadap umat Islam di negara ini.

Beliau berkata, perkara itu adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan iaitu agama Islam sebagai agama rasmi di negara ini dan agama lain boleh diamalkan masyarakat pelbagai kaum dengan syarat ia tidak boleh berdakwah kepada umat Islam.

"Malangnya kebebasan agama ini telah banyak disalahgunakan apabila murtad menjadi satu perkara yang banyak dikatakan berlaku dan pihak tertentu menjadi begitu berani menggunakan bahasa Mela-

Malangnya kebebasan agama ini telah banyak disalahgunakan apabila murtad menjadi satu perkara yang banyak dikatakan berlaku

yu (bagi) menyebarkan agama bukan Islam.

"...Peraturan-peraturan menguatkuasakan agama ini hendaklah diperincikan dan jika seseorang Melayu itu terkeluar daripada agama Islam hendaklah dilucutkan hak keistimewaan orang Melayunya," katanya ketika berucap menyokong usul agama dan sosial pada Persidangan Agung Wanita UMNO di sini.

Khalijah berkata, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan dalam pengawalan kegiatan dakwah agama lain di kalangan agama Islam adalah terlalu terhad dan perlu ada kajian mengenai undang-undang dan peraturan bagi mengawal perkara itu.

"Perkara menyesatkan dan seterusnya memurtadkan (umat) Islam ini adalah

sesuatu yang sangat meruncing dan memerlukan komitmen yang tinggi untuk dikawal dan dibanteras," katanya.

Beliau berkata Wanita Umno Kedah menyokong Jakim menggerakkan usaha bagi meningkatkan pegangan akidah di kalangan remaja Islam dan memantau kegiatan itu dengan lebih berkesan terutamanya dengan perkembangan adanya banyak orang luar menyebarkan ajaran sesat.

Isu murtad itu turut disentuh perwakilan Wanita dari Terengganu, Wan Maznah Nong ketika membahaskan usul itu dengan berkata masalah murtad perlu diberi perhatian serius semua pihak dan mencadangkan satu badan khas diwujudkan bagi menyelesaikan isu itu.

"Kes murtad atau ajakan untuk murtad bertambah...golongan yang menyokong

KHALIJAH ARSHAD
Ketua Wanita UMNO Jerai

murtad itu telah mengelirukan umat Islam dengan (tafsiran) ayat Quran yang bermaksud tiada paksaan dalam Islam," katanya.

Beliau berkata murtad tidak berlaku jika semua pihak terutama ibu bapa, guru dan Jakim memainkan peranan mereka dengan berkesan.

Terdahulu wakil Wanita UMNO Melaka Zaleha Bujang ketika mencadangkan usul agama dan sosial itu berharap pertubuhan bukan kerajaan (NGO) supaya berhati-hati ketika membuat kenyataan mengenai perkara berkaitan agama Islam.

Sebanyak lima perwakilan iaitu dari Sabah, Pulau Pinang, Johor, Terengganu dan Kelantan membahaskan usul itu.

Antara lain para perwakilan turut menyetujui peranan Jakim dengan mencadangkan supaya agensi itu distruktur semula dengan turut memasukkan penyertaan golongan profesional wanita yang berpengalaman bagi membolehkan ia memainkan peranan lebih berkesan.

Usul agama dan sosial itu kemudiannya diluluskan sebulat suara.

- Bernama